

Headline **10 pesakit baru Aids direkod setiap hari**
Date **19 Dec 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **Mohd Fazli Zainul Abidin**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **N4**
Article Size **151 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **831**
PRValue **2,492**



10 pesakit baru Aids direkod setiap hari

MOHD FAZLI ZAINUL ABIDIN

PETALING JAYA - Setiap hari statistik menunjukkan 10 pesakit Aids baru direkodkan selepas menjalani rawatan secara sukarela di pusat kesihatan di seluruh negara.

Timbalan Presiden Yayasan Aids Malaysia, Datuk Mohd Zaman Khan berkata, perkara berkenaan adalah satu angka besar jika masyarakat masih mengambil mudah masalah itu.

"Kebanyakan pesakit di kesan di kalangan wanita mengandung ketika mereka melakukan pemeriksaan



● Mohd Zaman (dua dari kanan) menanyakan perkembangan kesihatan kepada pesakit yang menghuni di rumah berkenaan.

kehamilan di pusat kesihatan," katanya ketika merasmikan program Maal Hijrah di Pusat Perlindungan Pesakit Aids, Rumah Darul

Ukhwah, di sini semalam.

Pada majlis berkenaan, beliau memuji tindakan Yayasan Al Jabar iaitu sebuah pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) sanggup mengendalikan rumah perlindungan sebegini bagi memberikan tempat tinggal kepada pesakit yang disisih keluarga.

"Saya sentiasa dimaklumkan rumah perlindungan NGO sering menghadapi masalah kewangan dalam mengendalikan perjalanan harian rumah.

"Kesempatan ini saya menyeru lebih banyak pihak swasta dan orang perseorangan memberikan bantuan bagi melicinkan usaha murni yang dilakukan itu," katanya.

Menurutnya, lembaga zakat negeri juga perlulah memainkan peranan memberikan bantuan sewajarnya kepada NGO yang melakukan kerja amal.

Dalam majlis berkenaan, syarikat Budi Daya Burung turut menyampaikan sumbangan minuman kesihatan sarang burung kepada 20 pembawa virus HIV yang menghuni di rumah berkenaan.